



SIARAN MEDIA

MEDIA RELEASE

LAPORAN

KAJIAN TENAGA KERJA (KTK) 2024

REPORT OF THE

LABOUR FORCE SURVEY (LFS) 2024

Jabatan Perangkaan
Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Kementerian Keuangan dan Ekonomi

Department of Statistics
Department of Economic Planning and Statistics
Ministry of Finance and Economy



SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

TAJUK UTAMA: KADAR PENGANGGURAN MENURUN KEPADA 4.8 PERATUS

1. Kajian Tenaga Kerja (KTK) 2024 melaporkan bahawa penduduk kumpulan umur bekerja (*working age population*) berumur 15 tahun dan ke atas adalah seramai 364,800 orang. Daripada jumlah ini, 64 peratus (233,800 orang) menyertai tenaga kerja manakala selebihnya 36 peratus (131,000 orang) adalah di luar tenaga kerja.
2. Penduduk bekerja meningkat sebanyak 2.8 peratus, daripada 216,700 orang pada tahun 2023 kepada 222,700 orang pada tahun 2024. Pekerja tempatan menyumbang 71.3 peratus daripada jumlah yang bekerja. Selaras dengan peningkatan ini, kadar pengangguran telah menurun daripada 5.2 peratus kepada 4.8 peratus bagi individu berumur 15 tahun dan ke atas. Manakala, bagi yang berumur 18 tahun dan ke atas, kadar pengangguran menurun daripada 5.1 peratus pada tahun 2023 kepada 4.7 peratus pada tahun 2024.
3. Data Kajian Tenaga Kerja menunjukkan bahawa pertumbuhan pekerjaan adalah terutamanya didorong oleh sektor swasta, yang mencatatkan peningkatan pekerjaan sebanyak 4 peratus berbanding peningkatan sebanyak 0.3 peratus dalam sektor awam. Menurut hasil Kajian Suku Tahunan Perniagaan bagi tahun 2024, peningkatan pekerjaan adalah ketara di dalam sektor-sektor perdagangan borong dan runcit; perkhidmatan makanan; pembuatan (Petrochemical); teknologi maklumat dan komunikasi; dan sektor perkhidmatan profesional, teknikal, pentadbiran dan perkhidmatan sokongan. Peningkatan dalam pekerjaan sendiri juga mencerminkan

peralihan ke arah aktiviti keusahawanan dan ekonomi gig yang dipacu oleh platform digital.

4. Selaras dengan peningkatan pekerjaan dalam sektor swasta, data juga menunjukkan bahawa sektor swasta terus menjadi penyumbang utama kepada peluang pekerjaan. Nisbah tenaga kerja dalam sektor swasta adalah 70 peratus berbanding 30 peratus dalam sektor awam.
5. Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, merakamkan penghargaan kepada semua isirumah yang telah dipilih atas kerjasama mereka sepanjang tempoh kajian. Penyertaan mereka telah memainkan peranan penting dalam menyediakan pandangan berharga mengenai landskap tenaga kerja di Brunei Darussalam.
6. Laporan KTK 2024 boleh diperolehi di laman sesawang JPES. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini, bolehlah dirujuk ke JPES seperti berikut:

Telefon	:	7469844 (waktu pejabat)
E-mel	:	info.statistics@jpes.gov.bn
Laman sesawang	:	deps.mofe.gov.bn



MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

MAIN HEADLINE: UNEMPLOYMENT RATE DECREASED TO 4.8 PER CENT

1. *The Labour Force Survey (LFS) 2024 reports that Brunei Darussalam's working age population aged 15 years and over stands at 346,800 persons. Of these, 64 per cent (233,800 persons) participate in the labour force while the remaining 36 per cent (131,000 persons) are outside labour force.*
2. *Employment increased by 2.8 per cent, rising from 216,700 persons in 2023 to 222,700 persons in 2024. Local workers constitutes 71.3 per cent of the employed population. In line with this progress, the unemployment rate has declined from 5.2 per cent to 4.8 per cent for individuals aged 15 and over. Meanwhile, for those aged 18 and over, the unemployment rate decreased from 5.1 percent in 2023 to 4.7 percent in 2024.*
3. *The Labour Force Survey data indicates that job growth was primarily driven by the private sector, which saw a 4 per cent increase in employment compared to a 0.3 per cent increase in the public sector. According to the results of the 2024 Quarterly Survey of Businesses, notable growth was observed in the wholesale and retail trade, food services, manufacturing (Petrochemical), information and communication technology, and professional, technical, administrative and support services sectors. An increase in self-employment was also observed reflecting a shift towards entrepreneurial activities and a gig economy supported by digital platforms.*

4. *In-line with the growth of employment in the private sector, the data also shows that the private sector continues to be a major contributor to job opportunities. The ratio of the workforce in the private sector was 70 per cent compared to 30 per cent in the public sector.*

5. *The Department of Economic Planning and Statistics (DEPS) extends its appreciation to all the selected households for their cooperation during the survey period. Their participation has been instrumental in providing these valuable insights into Brunei Darussalam labour force landscape.*

6. *The report of the LFS 2024 is available on DEPS's website. For any enquiries on this matter, please refer to DEPS by contacting the lines or browsing through the website below:*

<i>Telephone</i>	<i>:</i>	<i>7469844 (working hours)</i>
<i>E-mail</i>	<i>:</i>	<i>info.statistics@jpes.gov.bn</i>
<i>Website</i>	<i>:</i>	<i>deps.mofe.gov.bn</i>